**LAMPIRAN A**

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEGAWAI PEMULIHAN PERUBATAN**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI** | : | PERKHIDMATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | PENGURUSAN DAN PROFESIONAL |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | 1 JANUARI 2004 |

| **Gred** | | **Jadual Gaji Matriks** | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| **Gred U41** | : | P1T1 | RM1738.43 | - | P1T24 | RM4107.61 |
| | | P2T1 | RM1821.92 | - | P2T24 | RM4367.76 |
| | | P3T1 | RM1909.04 | - | P3T24 | RM4624.28 |
| **Gred U44** | : | P1T1 | RM2633.83 | - | P1T14 | RM4364.13 |
| | | P2T1 | RM2920.60 | - | P2T14 | RM4823.93 |
| **Gred U48** | : | P1T1 | RM3853.51 | - | P1T8 | RM5115.54 |
| | | P2T1 | RM4235.87 | - | P2T8 | RM5599.54 |
| **Gred U52** | : | P1T1 | RM4341.14 | - | P1T8 | RM5603.17 |
| | | P2T1 | RM4752.54 | - | P2T8 | RM6116.21 |
| **Gred U54** | : | P1T1 | RM4572.25 | - | P1T8 | RM5950.44 |
| | | P2T1 | RM4976.39 | - | P2T8 | RM6492.52 |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;

(c) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pemulihan perubatan yang berkaitan yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi-institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;

dan (d) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**SYARAT KENAIKAN PANGKAT SECARA LANTIKAN**

2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Jurupulih Perubatan adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik Berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :-

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; dan

(b) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi atas P1 Gred U41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 yang dilantik secara terus atau kenaikan pangkat secara lantikan adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai Pemulihan Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh ketua jabatan/ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**KURSUS INDUKSI/ PEPERIKSAAN**

6. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:-

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya kursus induksi yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan gaji tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh ketua perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**PENILAIAN TAHAP KECEKAPAN**

9. Pegawai Pemulihan Perubatan hendaklah lulus penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan oleh ketua perkhidmatan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED U44**

10. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U41 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U44 yang kosong apabila telah:-

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(d) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED U48**

11. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U44 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U48 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED U52**

12. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U48 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U52 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED U54**

13. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U52 adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U54 yang kosong apabila telah:-

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) lulus semua penilaian tahap kecekapan yang ditetapkan; dan

(c) diperaku oleh ketua perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED YANG LEBIH TINGGI**

14. Pegawai Pemulihan Perubatan Gred U54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbang bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong.